

PANDUAN PELAKSANAAN EKSA ATM

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA





Panduan Pelaksanaan

EKSA ATM

Ekosistem Kondusif Sektor Awam

Angkatan Tentera Malaysia

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
ISI KANDUNGAN	iii
TUJUAN	v
PRAKATA Pengerusi EKSA ATM	vii
BAB 1 – PENDAHULUAN	1
Pengenalan Pelaksanaan EKSA	3
Polisi, Visi, Misi dan Objektif EKSA ATM	5
Faedah Amalan EKSA ATM	6
Logo dan Cogan Kata EKSA ATM	7
BAB 2 – ORGANISASI EKSA ATM	9
Jawatankuasa Induk EKSA ATM	11
Jawatankuasa Pemandu EKSA ATM	12
Jawatankuasa <i>Q-Manager</i> /Penyelaras EKSA ATM	13
Jawatankuasa Latihan EKSA ATM	14
Jawatankuasa Promosi EKSA ATM	15
Jawatankuasa Audit EKSA ATM	16
Jawatankuasa Keselamatan EKSA ATM	17
Jawatankuasa EKSA Bahagian	18
Tugas dan Tanggungjawab Pelaksana EKSA	19
BAB 3 – PELAKSANAAN EKSA ATM	25
Keperluan Pencapaian EKSA ATM	27
Pelaksanaan Amalan EKSA ATM	29
Langkah-langkah Melaksanakan EKSA ATM	30
Audit Dalaman EKSA	33
BAB 4 – AMALAN 5S DAN EKSA	35
Amalan 5S	37
Ciri-ciri Amalan EKSA	51
- Komponen A – Keperluan Utama Perlaksanaan	51
- Komponen B – Ruang Tempat Kerja/Pejabat	51
- Komponen C – Tempat Umum	57
- Komponen D – Keselamatan Persekitaran	63
- Komponen E – Kawasan Persekitaran Fasiliti	64
- Komponen F – Tempat Khusus	64

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
BAB 5 – PENSIJILAN EKSA	65
Kelayakan Pensijilan	67
Tempoh Sah Laku Sijil	67
Permohonan Rasmi	68
Kos	68
BAB 6 – PENUTUP	69
Penutup	71
Rujukan	72
Glosari	73
BAB 7 – SENARAI SEMAK EKSA ATM	75

Panduan Pelaksanaan EKSA ATM ini bertujuan untuk:

- ❖ Menerangkan konsep Amalan EKSA secara umum di dalam ATM.
- ❖ Memberi panduan asas pelaksanaan Amalan 5S.
- ❖ Memberi panduan asas pelaksanaan Amalan EKSA dalam ATM secara keseluruhan.
- ❖ Menerangkan kaedah pelaksanaan Audit Dalaman EKSA.
- ❖ Melaksanakan Program EKSA bagi menghasilkan persekitaran kerja yang bersih, kemas dan kondusif.
- ❖ Garis panduan ini adalah sebagai piawaian tindakan kebersihan, kekemasan dan keselamatan secara minima sahaja namun pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kesesuaian di peringkat ATM. Di samping itu, peraturan dan arahan yang sedang berkuatkuasa masih perlu dipatuhi.
- ❖ Sekiranya terdapat pandangan, cadangan atau tindakan ke arah penambahbaikan buku panduan ini, sila maklumkan kepada:

**Markas ATM
Bahagian Logistik Pertahanan
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
(Untuk Perhatian: Urusetia EKSA ATM)**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Salam 1 Malaysia dan Salam Perpaduan.

Alhamdulillah, atas limpah nikmat dan kurnia Nya serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam. Seiring dengan Langkah Transformasi Perkhidmatan Awam yang telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada rakyat maka amat penting bagi warga ATM melakukan perubahan paradigma di dalam pengurusan persekitaran tempat kerja yang lebih kondusif, kemas dan teratur demi penghasilan *output* yang lebih cekap dan efisien.

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) adalah merupakan penambahbaikan Amalan 5S yang merupakan satu kaedah bagi melaksanakan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang kemas, bersih dan tersusun sesuai dengan imej korporat ATM yang ingin dicapai.

Dengan adanya Buku Panduan Pelaksanaan EKSA ATM ini, diyakini akan menjadi pemangkin ke arah penerapan budaya kerja yang lebih tersusun secara menyeluruh selain mampu menyemarakkan budaya kreativiti dan inovasi di kalangan warga ATM di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Sabri Bin Adam'.

DATO SRI HJ SABRI BIN ADAM
Leftenan Jeneral TUDM
Ketua Staf Markas ATM

BAB 1


PENDAHULUAN

PENGENALAN PELAKSANAAN EKSA

EKSA telah diperkenalkan mulai Januari 2014 sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam dengan mengambil kira keperluan bagi mengetengahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif supaya lebih relevan kepada jabatan/agensi sektor awam di Malaysia. Langkah penjenamaan semula ini difikirkan sesuai dan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa untuk meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi Sektor Awam.

Sebelum pelaksanaan EKSA, Sektor Awam telah mengamalkan 5S dalam Organisasi. Amalan 5S merupakan satu kaedah pengurusan yang dipelopori oleh pihak industri di Jepun bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, kemas dan selamat. Amalan 5S bermatlamat mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal. Pelaksanaan Amalan 5S yang berkesan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja.

Selain memberi keutamaan kepada aspek kebersihan, kekemasan dan keselamatan di tempat kerja, Amalan 5S berupaya memperkukuhkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti Bahagian/Jabatan berasaskan Standard MS ISO 9001:2008, khususnya dalam memenuhi keperluan klausa Pengurusan Sumber berkaitan Persekitaran Kerja. Pelaksanaan Amalan 5S yang cekap, berkesan dan konsisten akan memberi nilai tambah pada ketika itu kepada imej korporat Bahagian/Jabatan secara keseluruhan. Diagram pelaksanaan 5S adalah seperti berikut:



Mulai tahun 2013, pihak MAMPU telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik pelaksanaan Amalan 5S yang kini dijenamakan semula kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Langkah ini adalah selaras dengan usaha memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan agensi–agensi sektor awam melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam.

Penjenamaan semula ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan **imej korporat**, menyemarakkan aktiviti **kreativiti dan inovasi** selaras dengan tuntutan pihak berkepentingan, menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui **pembudayaan Go Green**, memperluas pelaksanaan di agensi-agensi Kerajaan bagi **mewujudkan persekitaran yang kondusif** serta memastikan elemen pengauditan **memenuhi keperluan kepelbagaian** agensi Kerajaan.

Selaras dengan keperluan kriteria Sistem Penarafan Bintang di kalangan Kementerian dan Organisasi kerajaan, ATM juga turut mengambil pendekatan untuk membudayakan Amalan EKSA di kalangan warga kerja ATM.

POLISI

Angkatan Tentera Malaysia komited untuk terus cemerlang melalui amalan persekitaran kerja yang kondusif berteraskan budaya kerja yang kreatif dan inovatif.

VISI

ATM komited untuk terus cemerlang melalui amalan suasana serta budaya kerja yang kondusif dan berkualiti.

MISI

Menyediakan persekitaran dan suasana kerja yang kondusif, selamat dan berkualiti bagi meningkatkan kecekapan serta keberkesanan pengurusan di tempat kerja.

OBJEKTIF

- ❖ **Mewujudkan tempat kerja yang bersih, kemas dan sistematik untuk keselesaan warga kerja ATM.**
- ❖ **Meningkatkan kerjasama antara warga kerja ATM dalam melaksanakan tugas harian.**
- ❖ **Mewujudkan disiplin yang tinggi dan berhemah di kalangan warga kerja ATM.**
- ❖ **Memastikan keselamatan di tempat kerja untuk setiap warga kerja ATM.**
- ❖ **Meningkatkan mutu perkhidmatan kerja melalui penerapan budaya Kaizen (Peningkatan Berterusan).**

Faedah yang akan diperoleh dari amalan EKSA adalah seperti berikut:

- ❖ Mewujudkan persekitaran tempat kerja berkualiti (bersih, kemas dan rapi).
- ❖ Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan Perkhidmatan dan Formasi.
- ❖ Mengenal pasti, mengurang dan menghapuskan pembaziran.
- ❖ Meningkatkan imej ATM.
- ❖ Menjana idea kreatif dan inovatif dalam kalangan warga kerja ATM.
- ❖ Meningkatkan semangat kerja berpasukan/*esperit de corp.*
- ❖ Meningkatkan disiplin warga kerja ATM.
- ❖ Meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.
- ❖ Meningkatkan piawaian kerja yang jelas.

LOGO DAN COGAN KATA EKSA ATM



Warna MERAH
Melambangkan keberanian, kepatantasan dan kesungguhan warga kerja ATM dalam menyokong Visi dan Misi ATM.

Warna BIRU TUA
Melambangkan kesejahteraan, kestabilan dan kesatuan antara seluruh warga kerja ATM yang merentasi Perkhidmatan/Formasi tanpa mengira jawatan atau pangkat.

Warna BIRU MUDA
Melambangkan ketenangan dalam suasana persekitaran kerja yang kondusif dan melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif.

EKSA ATM
Berwarna hijau, membudayakan Amalan Hijau (Go Green) di kalangan warga kerja ATM.

Bentuk BULATAN MANUSIA
Bersatu dan bekerjasama di antara perkhidmatan ATM dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara.


SENTIASA TERPELIHARA
ATM sentiasa memelihara dan mendokong tanggungjawab yang diamanahkan.

BAB 2

ORGANISASI EKSA ATM


JAWATANKUASA INDUK EKSA ATM

Jawatankuasa (JKuasa) Induk EKSA ATM bertanggungjawab bagi menggerakkan pelaksanaan EKSA dalam ATM. Organisasi JKuasa Induk EKSA ATM adalah seperti di bawah:




JAWATANKUASA PEMANDU EKSA ATM

JKuasa Pemandu EKSA ATM bertanggungjawab bagi menggerakkan pelaksanaan EKSA dalam ATM tertakluk pada bidang tugas masing-masing. Organisasi JKuasa Pemandu EKSA ATM adalah seperti di bawah:




JAWATANKUASA Q-MANAGER/PENYELARAS EKSA ATM

JKuasa Q-Manager/Penyelaras EKSA ATM merupakan Ahli Jawatan Kuasa (AJK) yang bertanggungjawab bagi menggerakkan pelaksanaan EKSA dalam ATM. Organisasi JKuasa Q-Manager/Penyelaras EKSA ATM adalah seperti di bawah:




JAWATANKUASA LATIHAN EKSA ATM

JKuasa Latihan EKSA ATM bertanggungjawab bagi mengkoordinasi dan menggerakkan keperluan latihan dan yang berkaitan dalam merealisasikan pelaksanaan EKSA dalam ATM. Keahlian JKuasa Latihan EKSA ATM adalah seperti di bawah:




JAWATANKUASA PROMOSI EKSA ATM

JKuasa Promosi EKSA ATM bertanggungjawab bagi mengkoordinasi dan menggerakkan keperluan promosi dan yang berkaitan dalam merealisasikan pelaksanaan EKSA dalam ATM. Keahlian JKuasa Promosi EKSA ATM adalah seperti di bawah:




JAWATANKUASA AUDIT EKSA ATM

JKuasa Audit EKSA ATM bertanggungjawab bagi mengkoordinasi dan menggerakkan keperluan audit dan yang berkaitan dalam merealisasikan pelaksanaan EKSA dalam ATM. Keahlian JKuasa Audit EKSA ATM adalah seperti di bawah:




JAWATANKUASA KESELAMATAN EKSA ATM

JKuasa Keselamatan EKSA ATM bertanggungjawab bagi mengkoordinasi dan menggerakkan keperluan keselamatan dan yang berkaitan dalam merealisasikan pelaksanaan EKSA dalam ATM. Keahlian JKuasa Keselamatan EKSA ATM adalah seperti di bawah:



JAWATANKUASA EKSA BAHAGIAN

JKuasa EKSA Bahagian bertanggungjawab bagi menggerakkan pelaksanaan EKSA di peringkat bahagian di Perkhidmatan dan Formasi. Organisasi JKuasa EKSA peringkat bahagian adalah seperti di bawah:



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PELAKSANA EKSA

Bidang tugas dan tanggungjawab setiap Pelaksana yang terlibat dalam mendokong pelaksanaan amalan EKSA di dalam ATM adalah seperti berikut:

❖ **PENASIHAT JKUASA PEMANDU INDUK EKSA ATM.**

- Memberikan galakan dan sokongan kepada JKuasa dalam melaksanakan aktiviti EKSA.
- Memberi nasihat dan pandangan kepada JKuasa.
- Membantu JKuasa dalam mendapatkan keperluan berkaitan.

❖ **PENGERUSI JKUASA PEMANDU EKSA ATM.**

- Menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan EKSA ATM.
- Mewujudkan organisasi dan AJK.
- Menetapkan dasar, peraturan dan garis panduan.
- Membentuk pelan tindakan dan pelaksanaan EKSA.
- Merangka peruntukan belanjawan dan sumber-sumber kewangan.
- Memantau dan menilai kemajuan amalan pelaksanaan EKSA.
- Menetapkan sistem pengiktirafan atau penghargaan.

❖ **Q-MANAGER/PENYELARAS EKSA.**

- Menjadualkan Mesyuarat JKuasa Pelaksanaan EKSA.
- Menyelaraskan program EKSA.
- Melaporkan kemajuan dan status pelaksanaan EKSA.
- Membantu pengurusan aktiviti latihan, promosi, audit dan keselamatan.
- Menghebahkan maklumat terkini pelaksanaan EKSA dalam organisasi.

❖ **FASILITATOR.**

- Memberikan latihan dan panduan kepada ketua bahagian, ketua zon dan ahli melalui pihak pengurusan.
- Memantau agar kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan.
- Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan kumpulan pelaksana.
- Membantu pihak pengurusan dalam menyelaraskan dan memantau aktiviti.

❖ **URUSETIA EKSA.**

- Memastikan semua JKuasa mematuhi panduan dan peraturan yang disediakan.
- Mengkoordinasikan perancangan aktiviti dan pelaksanaan EKSA ATM.
- Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan tertinggi dengan kumpulan pelaksana.
- Menentukan rancangan pelaksanaan EKSA ATM berjalan sebagaimana dirancang.
- Menyelaraskan dan memantau aktiviti EKSA.

❖ **JKUASA PROMOSI EKSA ATM.**

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi EKSA.
- Mengenal pasti aktiviti/kempen promosi bagi memupuk kesedaran untuk menjayakan pelaksanaan EKSA.
- Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan.
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA di kalangan warga kerja ATM melalui saluran tertentu.

❖ **JKUASA LATIHAN EKSA ATM.**

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi membudayakan amalan EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi.
- Mengenal pasti jenis latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti EKSA.
- Menyelaras dan memastikan setiap warga kerja diberikan latihan/pendedahan EKSA sewajarnya.

❖ **JKUASA AUDIT EKSA ATM.**

- Menyediakan kriteria Audit Dalaman EKSA.
- Menentukan kekerapan Audit Dalaman EKSA.
- Menyediakan laporan dan analisis keputusan Audit Dalaman EKSA.
- Menyemak kriteria Audit Dalaman EKSA mengikut keperluan.

❖ **JKUASA KESELAMATAN EKSA ATM.**

- Menyediakan pelan tindakan keselamatan dan kecemasan di tempat kerja dan persekitaran.
- Merumus dan mengemaskini dasar, peraturan dan arahan dalam segala aspek keselamatan.
- Memastikan pelaksanaan dasar, peraturan dan arahan dipatuhi dan diikuti dengan betul bagi jaminan keselamatan.
- Perantara dengan agensi kerajaan dan swasta yang lain di dalam atau luar ATM dari aspek keselamatan yang berkaitan.
- Mengenalpasti langkah keselamatan yang perlu diambil oleh setiap Perkhidmatan/Formasi.

❖ **KETUA BAHAGIAN EKSA.**

- Memberikan latihan dan panduan kepada ketua zon dan ahli.
- Memastikan semua kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan.
- Menasihati Pengerusi dalam menentukan pembahagian zon.
- Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan kumpulan pelaksana.

- Mengawasi (menyelaras) dan memantau aktiviti pelaksanaan EKSA.

❖ **KETUA ZON/SEKTOR EKSA.**

- Mengadakan mesyuarat secara berkala dengan ahli-ahli kumpulan.
- Menentukan penglibatan semua ahli dalam pelaksanaan EKSA.
- Merancang aktiviti kumpulan.
- Memberikan maklum balas mengenai status pelaksanaan EKSA kepada fasilitator melalui saluran tertentu.
- Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli kumpulan.

❖ **AHLI-AHLI EKSA.**

- Memberikan komitmen secara berterusan dalam pelaksanaan EKSA.
- Menyertai aktiviti EKSA secara aktif.
- Bekerjasama dalam kumpulan.
- Menghadiri mesyuarat dan menyumbangkan idea bagi menjayakan pelaksanaan EKSA.

❖ **SETIAUSAHA EKSA.**

- Merancang agenda mesyuarat dan menyediakan surat panggilan mesyuarat.
- Mengedar surat panggilan mesyuarat/memanggil mesyuarat.
- Mencatat minit mesyuarat/nota perbincangan.
- Menyediakan laporan dan minit mesyuarat/nota perbincangan.
- Merancang bersama JKuasa EKSA segala aktiviti EKSA untuk sepanjang tahun.
- Bertanggungjawab terhadap pengurusan rekod dan fail berkaitan EKSA.
- Menyediakan laporan, taklimat dan memaklumkan kepada pihak yang berkenaan mengenai pengurusan EKSA.

- Memastikan semua aktiviti yang dirancang berjalan dan dilaksanakan mengikut perancangan.
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pihak pengurusan.

BAB 3

PELAKSANAAN EKSA ATM

PENJENAMAAN SEMULA AMALAN 5S

EKSA merupakan penjenamaan semula Amalan 5S yang telah diguna pakai dalam sektor awam sejak tahun 2010. Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA masih berteraskan Amalan 5S yang ditambah baik di samping penambahan beberapa elemen baharu. EKSA bukan bertujuan untuk menggantikan konsep 5S yang diamalkan sebelum ini, sebaliknya menambah baik elemen 5S tersebut dengan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Amalan 5S ditambah baik dengan menambah lima elemen baharu, iaitu:

- Imej Korporat.
- Kreativiti dan Inovasi.
- Amalan Hijau.
- Persekitaran Kondusif.
- Kepelbagaian Agensi.

Perincian kepada elemen baru adalah seperti berikut:

Peningkatan Imej Korporat.

Imej Korporat merujuk kepada identiti atau persepsi pelanggan/pihak berkepentingan terhadap persekitaran, tindakan dan pencapaian sesebuah organisasi. Nilai, etika dan norma kerja yang seragam dalam kalangan warga kerja amat diperlukan untuk mewujudkan budaya korporat yang positif.

Pelaksanaan EKSA secara sistematik akan mewujudkan suasana persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas, ceria dan selamat. Secara langsung akan meningkatkan imej korporat di mata pelanggan.

Pelaksanaan Kreativiti dan Inovasi.

Perkhidmatan/Formasi digalakkan untuk melaksanakan inovasi dan amalan terbaik bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja.

Pelaksanaan program kreativiti dan inovasi ini digalakkan untuk menggunakan bahan terpakai untuk perubahan hiasan dan kegunaan EKSA.

Pelaksanaan *Go Green* (Amalan Hijau).

Pelaksanaan *Go Green* digalakkan bagi menyokong kempen guna semula, kitar semula dan penjimatan.

Go Green merupakan program penjimatan tenaga secara menyeluruh dengan melaksanakan:

- Notis/arahan penjimatan tenaga.
- Penggunaan perkakas elektrik *save energy*.
- Penjimatan kertas.
- Penjimatan air.
- Kempen hijau dan kitar semula.

Persekitaran Kondusif.

Persekitaran kondusif adalah penting dalam memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi sektor awam. Amalan EKSA menggalakkan Perkhidmatan/Formasi memberikan penekanan pada penyampaian sistem perkhidmatan, mesra pelanggan dan memberi keselesaan semasa berurusan. Bagi pelanggan orang kurang upaya (OKU), kemudahan yang sesuai harus disediakan.

Kepelbagaian Agensi.

EKSA memperkenalkan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi kriteria generik dan kriteria khusus dengan mengambil kira kepelbagaian premis jabatan/agensi kerajaan mengikut jenis perkhidmatan yang diberikan. Pendekatan yang dipraktikkan sebelum ini iaitu *one size fits all* didapati kurang mencakupi keperluan kepelbagaian jabatan/agensi kerajaan pada masa kini.

PELAKSANAAN AMALAN EKSA ATM

Amalan EKSA dapat dilaksanakan secara tersusun melalui pewujudan pendekatan pengurusan yang mantap merangkumi perkara-perkara berikut:

- Menubuhkan JKuasa Pelaksana Amalan EKSA dengan terma rujukan yang jelas.
- Menentukan pelan tindakan bagi pelaksanaan Amalan EKSA.
- Mewujudkan Bahagian/Zon/Sektor kerja EKSA.
- Mengadakan program-program latihan berkaitan Amalan EKSA.
- Memantau keberkesanan pelaksanaan Amalan EKSA secara berterusan.
- Mengkaji semula dan menentukan langkah-langkah penambahbaikan secara berterusan.

Tahap pelaksanaan Amalan EKSA perlu dilaporkan secara berkala kepada pengurusan atasan Perkhidmatan/Formasi melalui saluran/kaedah yang sedia ada.

Langkah 1: Pembentukan JKuasa Pelaksana Amalan EKSA.

Objektif pembentukan JKuasa Pelaksana Amalan EKSA ialah untuk meningkatkan penyertaan semua peringkat warga kerja Perkhidmatan/Formasi dalam melaksanakan Amalan EKSA di samping bagi mewujudkan budaya penambahbaikan berterusan serta semangat kerja berkumpulan ke arah mencapai prestasi dan budaya kerja yang cemerlang.

Struktur dan tanggungjawab bagi pelaksanaan Amalan EKSA ATM adalah seperti di Bab 2.

Langkah 2: Mewujudkan Bahagian/Zon/Sektor Amalan EKSA.

- Tujuannya adalah untuk mewujudkan kawasan tanggungjawab kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan pengawasan Amalan EKSA.
- Pengerusi JKuasa Pelaksana Amalan EKSA Bahagian/Zon/Sektor dengan kerjasama JKuasa Pemandu dan fasilitator Amalan EKSA ATM akan berkoordinasi dalam menentukan Bahagian/Zon/Sektor yang bersesuaian.
- Pembahagian Bahagian/Zon/Sektor hendaklah dijelaskan melalui pewujudan pelan lokasi Bahagian/Zon/Sektor bagi memudahkan rujukan.
- Antara faktor yang perlu diambil kira dalam pembahagian Bahagian/Zon/Sektor:
 - Susun atur keseluruhan Bahagian dan pembahagian kepada Zon/Sektor kecil hendaklah bersesuaian mengikut fungsi dan saiz organisasi (dicadangkan jumlah Bahagian/Zon/Sektor tidak terlalu banyak bagi memudahkan penyelarasan dan pemantauan yang lebih sistematik dilaksanakan).
 - Menentukan nama kumpulan untuk setiap Bahagian/Zon/Sektor dan jumlah keahlian kumpulan bagi setiap Bahagian/Zon/Sektor.
 - Mewujudkan sudut EKSA dengan mempamerkan struktur kumpulan dan Bahagian/Zon/Sektor masing-masing dengan mengambil kira hala tuju Amalan EKSA di Perkhidmatan/Formasi.
 - Bahagian/Zon/Sektor haruslah berdasarkan aras/tingkat atau yang mana bersesuaian.

Langkah-langkah keselamatan perlu diambil bagi menjamin keselamatan persekitaran dengan cara:

- Mewujudkan Pelan Tindakan Kecemasan yang perlu mengandungi:
 - Arahan Keselamatan.
 - Latihan Kefungsian Bangunan.
 - Pelan Laluan Kecemasan dan Tempat Berkumpul.
 - Tanda Arahan Laluan Kecemasan.
 - Tanda Amaran Kecemasan Dipamerkan.
- Memastikan alat pencegahan kebakaran berfungsi dan menepati kriteria berikut:
 - Mempunyai tatacara penggunaan.
 - Diselenggara secara berkala.
 - Lokasi penempatan yang strategik.

Langkah 3: Mengadakan Program Latihan.

Peringkat ini memerlukan Perkhidmatan/Formasi untuk menyediakan latihan untuk Juruaudit Dalaman, Fasilitator dan warga kerja masing-masing.

Tujuan latihan Amalan EKSA adalah untuk mendalami pengetahuan berkaitan Amalan EKSA di samping untuk membudayakan Amalan 5S kepada warga kerja ATM.

Di antara latihan/program yang perlu diikuti bagi meningkatkan kefahaman adalah:

- Program Kesedaran Amalan EKSA.
- Kaedah Amalan dan Pelaksanaan Amalan EKSA.
- Audit Dalaman EKSA.

Langkah 4: Mengadakan Pelancaran EKSA.

Peringkat ini memerlukan Perkhidmatan/Formasi untuk mengadakan hebahan dan promosi EKSA kepada warga kerja masing-masing melalui media cetak, elektronik atau seumpama secara menyeluruh dan konsisten.

Pelancaran dan perasmian Amalan EKSA boleh diadakan sebagai tanda mula di samping untuk menyampaikan hasrat dan sokongan pengurusan bagi melaksanakan Amalan EKSA.

Pihak pengurusan perlu terlibat secara langsung serta memberi komitmen dan sokongan padu kepada pelaksanaan Amalan EKSA melalui penetapan sasaran yang ingin dicapai, dasar dan objektif Amalan EKSA dan juga menentukan matlamat setiap langkah pelaksanaan.

Perkara yang perlu diberikan penekanan semasa pelancaran Amalan EKSA adalah seperti berikut:

- Dasar Amalan EKSA.
- Bahagian/Zon/Sektor EKSA.
- Objektif Amalan EKSA.
- Pelan tindakan Pelaksanaan Amalan EKSA.
- Buku Panduan Pelaksanaan Amalan EKSA.

Mewujudkan Sudut EKSA.

Sudut EKSA perlu disediakan bagi memberi maklumat terkini berkaitan Amalan EKSA kepada warga kerja ATM bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Amalan EKSA. Sudut EKSA perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

- Polisi dan Objektif EKSA.
- Logo EKSA.
- Carta Organisasi Bahagian terkini.
- Carta Perbatuan/*Gantt Chart* - Memaparkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti Bahagian.
- Pelan Lantai.
- Rekod aktiviti (gambar) sebelum dan selepas Pelaksanaan sesuatu Amalan EKSA.
- Laporan Audit Dalaman.
- Minit Mesyuarat terkini.
- Kreativiti hiasan sudut.

Audit Dalaman EKSA perlu dilaksanakan oleh ATM sebagai penilaian sendiri pelaksanaan Amalan EKSA. Audit Dalaman ini perlu dijadualkan secara berkala untuk memastikan setiap Perkhidmatan/Formasi membuat penambahbaikan secara berterusan. Tatacara proses Audit Dalaman yang berpandukan kepada Senarai Semak EKSA seperti di Bab 7, adalah seperti berikut:

Langkah 1: Membentuk Pasukan Audit.

JKuasa Pemandu Amalan EKSA ATM perlu mengenalpasti, melatih dan melantik juruaudit untuk melaksanakan aktiviti Audit Dalaman EKSA ATM. JKuasa Pemandu ini juga perlu:

- Menyediakan kriteria Audit Dalaman EKSA.
- Menentukan kekerapan aktiviti Audit Dalaman EKSA.

Langkah 2: Latihan Audit Dalaman EKSA.

Pasukan Audit Dalaman EKSA ATM hendaklah diberi latihan untuk memastikan urusan Audit Dalaman EKSA dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Langkah 3: Mengaudit Prestasi Amalan EKSA.

Pasukan Audit Dalaman EKSA ATM akan menjalankan Audit Dalaman seperti yang telah dijadualkan oleh JKuasa Pemandu.

Langkah 4: Mengumumkan Penemuan Audit.

Pengerusi JKuasa Audit Dalaman EKSA ATM hendaklah melaporkan penemuan Audit Dalaman kepada Pengerusi JKuasa Pemandu EKSA ATM atau kepada JKuasa EKSA Perkhidmatan/Formasi untuk tindakan selanjutnya.

BAB 4

AMALAN 5S DAN EKSA

S1 - SISIH (SEIRI)

SISIH memberikan tumpuan kepada pengasingan dan pelupusan barang-barang yang tidak diperlukan di tempat kerja.


Aktiviti **SISIH** (Rajah 1) secara berkesan dapat dilakukan dengan:

- Menanda barang-barang yang tidak diperlukan lagi dengan menggunakan kaedah *Tag* Merah dan kaedah *Tag* Kuning seperti akan diterangkan selepas ini.
- Menentukan tempat penyimpanan bagi barang/peralatan yang masih diperlukan.
- Bagi barang-barang yang hendak dilupuskan, perlulah dirujuk kepada Pekeliling/Arahan/Peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.



Rajah 1: Tindakan Menyisih Barang/Dokumen/Peralatan.

KAEDAH TAG MERAH



No. Tag : _____

TAG MERAH

Klasifikasi	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan Mentah <input type="checkbox"/> • Masih dalam proses <input type="checkbox"/> • Bahagian Komponen <input type="checkbox"/> • Barangan yang tidak siap <input type="checkbox"/> • Mesin / Peralatan <input type="checkbox"/> • Lain-lain <input type="checkbox"/> 						
Nama Barang							
No. Siri							
Bilangan / Nilai							
Sebab	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak perlukan <input type="checkbox"/> • Tidak berguna <input type="checkbox"/> • Tidak penting <input type="checkbox"/> • Barangan yang ditinggalkan <input type="checkbox"/> • Tidak diketahui <input type="checkbox"/> • Lain-lain <input type="checkbox"/> 						
Bhd yang bertanggungjawab	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 33%;">Jabatan</td> <td style="width: 33%;">Seksyen</td> <td style="width: 33%;">Anggaran</td> </tr> <tr> <td style="font-size: small;">(Nama Jabatan)</td> <td style="font-size: small;">(Nama Seksyen)</td> <td style="font-size: small;">(Nama Anggaran)</td> </tr> </table>	Jabatan	Seksyen	Anggaran	(Nama Jabatan)	(Nama Seksyen)	(Nama Anggaran)
Jabatan	Seksyen	Anggaran					
(Nama Jabatan)	(Nama Seksyen)	(Nama Anggaran)					
Tindakan	<ul style="list-style-type: none"> • Hapuskan <input type="checkbox"/> • Pulang semula <input type="checkbox"/> • merahAihkan ke stor tanda <input type="checkbox"/> • Asingkan dalam stor <input type="checkbox"/> • Lain-lain <input type="checkbox"/> 						
Tarikh Kelulusan Pelupusan: <small>(Nama berkeputusan/keputusan)</small>	Diluluskan Oleh:						
Tarikh Pelupusan:	Dilupus Oleh:						

KAEDAH TAG KUNING

- 1 •Menentukan jenis barang/peralatan/rekod yang hendak dinilai.
- 2 •Melekat/Melabel Tag Kuning ke atas barang/ peralatan/rekod yang telah dikenal pasti.
- 3 •Membuat penilaian dengan mengambil tindakan terhadap barang yang dilabel Tag Kuning. Tarikh pelupusan perlu ditetapkan untuk penentuan sama ada pelupusan atau penyimpanan.
- 4 •Catat dan rekod barang/peralatan/rekod yang telah dilabelkan dengan Tag Kuning.

No Tag : _____

TAG KUNING

Kemungkinan Diperlukan : _____
(Nyatakan jenis dokumen)

Simpan sehingga : _____
(Tarikh Simpan)

PENGUKURAN KEJAYAAN PELAKSANAAN SISI



S2 - SUSUN (SEITON)

SUSUN ada tempatnya dan setiap tempat ada barangnya. Penekanan SUSUN tertumpu kepada kaedah penyusunan yang teratur, kemas, berkesan dan selamat.

Selepas melaksanakan **SISIH** dengan jayanya, barang yang diperlukan hendaklah di**SUSUN** mengikut keperluan penggunaan.

Berikut adalah panduan aktiviti **SUSUN** secara berkesan:

- Penyusunan item mengikut kaedah *First-In-First-Out* (FIFO).
- Melabelkan dan mengindeks nama dan nombor pada barang/peralatan/rekod.
- Menyimpan barang/peralatan/rekod mengikut kategori.
- Memastikan barang disusun dengan sebaik mungkin supaya mudah dicapai.

KAEDAH PENYUSUNAN:

Barang/peralatan/rekod yang aktif digunakan:

- Situasi semasa bekerja – fail aktif dan dalam tindakan sahaja berada di atas meja kerja.
- Situasi selepas waktu kerja – fail disusun/disimpan semula ke tempat asal dengan mengikut kaedah susunan dan tatacara pengurusan fail.
- Alat tulis hendaklah sentiasa berada di dalam laci meja kerja dengan keadaan kemas dan teratur.
- Bahan-bahan rujukan semasa yang diperlukan sahaja berada di atas meja.

Barang/peralatan/rekod yang jarang digunakan:

- Barang/peralatan/rekod yang jarang digunakan termasuk fail separa aktif perlu disimpan mengikut prosedur pengurusan dengan kemas dan teratur bagi memudahkan capaian.

Barang/peralatan/rekod yang tidak digunakan:

- Barang/peralatan/rekod termasuk fail tutup hendaklah mengikut tatacara pengurusan barang/peralatan/rekod.
- Bagi pesanan tempatan hendaklah mengikut tatacara perolehan/penyimpanan.

Kejayaan pelaksanaan **SUSUN** boleh diukur melalui ujian pencarian barang dalam tempoh yang ditetapkan (30 saat).

Rajah 2, menjelaskan kaedah menyusun barang/dokumen/peralatan mengikut keperluan.


RUMUSAN KAEDAH PENYUSUNAN BERKESAN

- Uruskan stok barang/alat tulis mengikut kaedah FIFO.
- Barang/peralatan/dokumen disediakan tempat khas dan **dilabelkan**.
- Barang/peralatan/dokumen hendaklah diletakkan di tempat yang **mudah dilihat dan mudah dikesan**.
- Barang/peralatan/dokumen diletakkan di tempat yang **mudah diambil dan disimpan semula**.
- Barang/peralatan/dokumen hendaklah boleh dicapai (retrieve) sebaik-baiknya dalam masa **30 saat**.
- **Alatan eksklusif/berharga seperti** kamera video, alat perakam diasingkan daripada **alatan biasa**.
- Sediakan **parkir** (parking) **untuk ruang mesin/peralatan yang mudah alih** seperti mesin fotostat, mesin pencetak, mesin faksimili, mesin penjilid dan sebagainya.




Rajah 2: Tindakan Menyusun Barang/Dokumen/Peralatan.

KAEDAH SUSUNAN



• SEBELUM 5S


- FIFO – Pengambilan
- Simpan ikut jenis barang
- Pergerakan secara gelonsor




• SELEPAS 5S

KAEDAH SUSUNAN


- Sediakan tempat
- Padankan nama



- Telus / tiada penutup
- Petunjuk paras Stok




KAEDAH SUSUNAN




- Sisih pembaziran
- Susunan menegak
- Tiada ruang di atas lantai

SUSUN



SUSUN

- Mudah dicari
- Tidak mendatar
- Susun menegak



S3 - SAPU (SEISO)

SAPU adalah tindakan bagi memastikan ruang tempat kerja atau peralatan bersih daripada habuk/debu yang boleh menjejaskan fungsi peralatan, kualiti produk dan kesihatan.

SAPU juga memberi penekanan kepada penjagaan kebersihan bagi memastikan tempat kerja yang selesa dan selamat untuk peningkatan kualiti kerja dan perkhidmatan.

Pembersihan atau **SAPU** perlu dilakukan setiap hari bagi memastikan ruang kerja sentiasa kemas dan bersih.

Langkah-langkah yang berikut perlu dijadikan panduan untuk melaksanakan **SAPU** secara berkesan:

- **Mengagihkan Tugas Pembersihan.**

Kebersihan di tempat kerja adalah menjadi tanggungjawab bersama. Pembahagian kawasan jagaan hendaklah dijelaskan dengan:

- Mengenalpasti ruang/peralatan/mesin yang perlu diwujudkan hak milik (ownership).
- Mengadakan jadual giliran harian pembersihan kawasan yang telah ditentukan.

- **Menentukan hak milik (ownership) ruang/peralatan bagi setiap ahli.**

- **Mewujudkan kaedah pembersihan yang akan digunakan dengan:**

- Menentukan perkara/aspek yang perlu dibersihkan.
- Mengenalpasti peralatan dan bahan pembersihan yang bersesuaian.
- Menentukan kekerapan dan masa aktiviti pembersihan.
- Mewujudkan piawaian kerja pembersihan.
- Sekiranya Bahagian/Zon/Sektor tidak melaksanakan aktiviti pembersihan atau aktiviti pembersihan diswastakan, semua ruang kerja dan peralatan seperti dinyatakan di atas hendaklah dipastikan bersih.

- **Menyediakan peralatan dan bahan-bahan untuk kerja pembersihan.**

Alatan/bahan keperluan kerja pembersihan hendaklah disediakan dan disusun supaya mudah disimpan dan diambil apabila diperlukan.

- **Melaksanakan kerja pembersihan.**


Kerja pembersihan boleh dilaksanakan melalui:

- Mengenalpasti ruang dan peralatan yang perlu dibersihkan termasuk ruang atau bahagian yang tersorok seperti di belakang almari ataupun di atas rak yang tinggi.
- Melaksanakan aktiviti pembersihan dan pemeriksaan terhadap semua peralatan, lantai, dinding dan siling.
- Memastikan peralatan dalam keadaan bersih, baik dan berfungsi.
- Merekodkan dan melaporkan segala kerosakan peralatan untuk tindakan penyelenggaraan.

Kejayaan pelaksanaan Amalan **SAPU** boleh diukur melalui:

- Produk dan hasil kerja yang berkualiti.
- Persekitaran kerja yang selesa dan selamat.
- Keadaan persekitaran lebih bersih.
- Kos penyelenggaraan lebih rendah.

Penghasilan melaksanakan amalan ini seperti di **Rajah 3**.



Rajah 3: Tindakan Melaksanakan Amalan Sapu.

S4 - SERAGAM (SEIKETSU)

SERAGAM bermaksud sekeadaan, sebertuk dan sewarna sama ada pada ciri-ciri, susun atur atau peraturannya. Aktiviti EKSA diperingkat ini dapat dilaksanakan dengan mewujudkan keseragaman prosedur, susun atur dan piawai. Penghasilan melaksanakan amalan ini seperti di **Rajah 4**.

Berikut ialah panduan untuk melaksanakan keseragaman secara cekap:

- Mewujudkan senarai semak tugas dengan teknik 5W1H.
 - *Who?* - Siapa yang bertanggungjawab?
 - *Why?* - Mengapa perlu dilaksanakan?
 - *When?* - Bila perlu dilakukan?
 - *Where?* - Di mana perlu dilaksanakan?
 - *What?* - Apa tindakan yang perlu diambil?
 - *How?* - Bagaimana aktiviti dijalankan dan diseragamkan?
- Mewujudkan senarai semak peraturan inventori.
- Mengadakan prosedur kerja pembersihan.
- Mengadakan jadual penyelenggaraan.
- Mewujudkan model/aktiviti susun atur yang **SERAGAM**.

Kejayaan pelaksanaan **SERAGAM** diukur melalui:

- Mempunyai piawai ruang tempat kerja yang lebih baik.
- Mempunyai impak visual yang positif.
- Mempunyai peraturan dan piawai prosedur kerja (SOP).



Rajah 4: Tindakan Melaksanakan Amalan Seragam.

S5 – SENTIASA AMAL (SHITSUKE)

SENTIASA AMAL ialah usaha mengekalkan 4 Amalan EKSA yang pertama iaitu **Seiri, Seiton, Seiso** dan **Seiketsu** di samping melaksanakan penambahbaikan berterusan di premis Bahagian/Zon/Sektor. **SENTIASA AMAL** memerlukan komitmen dan penyertaan berterusan seluruh warga kerja serta disiplin diri bagi memastikan Amalan EKSA dapat dilaksanakan secara berkesan dan cekap.

Berikut ialah panduan untuk mengekalkan Amalan EKSA:

- Meneruskan program kesedaran tentang kepentingan Amalan EKSA dengan mengadakan latihan yang berterusan.
- Memastikan Audit Dalaman EKSA dilaksanakan secara berkala.
- Memastikan aktiviti promosi berterusan.
- Mewujudkan sistem pengiktirafan dan penghargaan kepada usaha yang ditunjukkan oleh warga kerja Bahagian/Zon/Sektor.
- Mewujudkan sistem pemantauan yang efektif dan sistematik.

Kejayaan pelaksanaan **SENTIASA AMAL** ini boleh diukur melalui:

- Prestasi cemerlang berterusan melalui aktiviti Audit Dalaman EKSA Bahagian/Zon/Sektor.
- Warga kerja Bahagian/Zon/Sektor sentiasa kelihatan ceria dan bersemangat melaksanakan Amalan EKSA di samping mematuhi peraturan di tempat kerja.
- Wujudnya disiplin dan semangat kerja berpasukan di kalangan warga kerja Bahagian/Zon/Sektor.
- Warga kerja mempunyai daya usaha untuk sentiasa mengamal dan menambahbaik Amalan EKSA di tempat kerja.
- Peningkatan kecekapan dan keberkesanan proses kerja.
- Penyertaan dan kejayaan dalam konvensyen, pertandingan dan anugerah berkaitan Amalan EKSA.

CIRI-CIRI AMALAN EKSA

Setiap Perkhidmatan/Formasi akan melaksanakan pelbagai ciri/teknik amalan baik EKSA mengikut ruang/persekitaran kerja Bahagian/Zon/Sektor masing-masing. Berikut adalah panduan-panduan EKSA yang boleh dipraktikkan di tempat kerja mengikut kesesuaian persekitaran kerja Perkhidmatan/Formasi.

KOMPONEN A – KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN

Keperluan utama pelaksanaan EKSA meliputi Dasar-dasar berhubung pelaksanaan Amalan EKSA ATM seperti di dalam Bab 1 beserta peranan setiap pelaksana dan JKuasa yang terlibat seperti di Bab 2.

KOMPONEN B – RUANG TEMPAT KERJA/PEJABAT

RUANG KERJA/BILIK PEGAWAI

- Lantai ruang kerja/bilik pegawai sentiasa berada dalam keadaan bersih.
- Tanda nama dan jawatan pegawai diletakkan di ruang kerja/*partition* pegawai/pintu bilik pegawai mengikut kesesuaian.
- *Rubber stamp* yang aktif (dilabel serta disenaraikan) jika berkaitan dengan tugas harian sahaja.
- Sekiranya pegawai dibekalkan dengan laci meja, penggunaan ruang laci boleh seperti berikut:
 - Laci paling atas dikhaskan penggunaannya kepada alat-alat tulis dan disusun kemas mengikut kreativiti pegawai.
 - Laci tengah diguna bagi menempatkan dokumen-dokumen rasmi seperti diari, planner dan buku catatan.
 - Laci bawah diguna bagi menempatkan alatan/barang peribadi seperti beg tangan, dompet, telefon bimbit dan lain-lain.
- Fail-fail aktif/diari/*organizer* disusun dengan kemas dan teratur pada setiap masa.
- Fail disusun mengikut nombor siri/indeks yang ditetapkan di dalam kabinet fail dan dilabelkan mengikut format yang telah diseragamkan.

- Sekiranya pegawai dibekalkan kabinet fail, kabinet fail perlu dilabelkan dengan kemas dan teratur.
- Kerusi tetamu dan kerusi kerja disusun rapi ketika tidak digunakan.
- Kerusi sentiasa berada dalam keadaan baik, selesa dan bersih.
- *Blazer/selendang* boleh disangkut dengan kemas di tempat/ruang yang sesuai (jika almari tidak disediakan).
- Wayar/kabel elektrik disusun kemas dengan menggunakan *black tape/cabel casing conduit* atau yang bersesuaian.
- *Central Processing Unit (CPU)* dan *pedestal* bergerak (sekiranya ada) ditempatkan secara teratur dan seragam.
- Komputer dan pencetak haruslah tidak berhabuk dan boleh digunakan.
- Komputer ditutup (shut down) selepas habis waktu bekerja.
- *Wallpaper* dan *screen saver desktop* komputer/komputer riba boleh diseragamkan dengan imej korporat Bahagian/Zon/Sektor.

PENYERAGAMAN RUANG PEJABAT

Tujuan: Mewujudkan ruangan pejabat yang teratur dan Kemas.

Impak: Memudahkan pengesanan kedudukan pegawai dan pencapaian peralatan pejabat.

Pelaksanaan: Menyediakan carta pergerakan individu dan penglabelan alat tulis.

Keseragaman:

1. Carta Pergerakan Individu Pegawai (di pintu/*partition*) – diselaraskan berdasarkan harian dan mengandungi maklumat berikut:

a. Nama Pegawai.

b. Jawatan.

c. Gambar.

d. Petunjuk

- Ada di Pejabat.
- Cuti.
- Mesyuarat.
- Tugas Rasmi Luar Pejabat.
- Keluar Sebentar.
- Kursus/Seminar.

e. Warna mengikut logo Bahagian/Zon/Sektor.

2. Almari alat Tulis/Alat Tulis.

a. Perlu ada tanda “minimum”/“maksimum”.

b. Senarai Inventori alat tulis perlu ada bagi semua alat tulis.

c. Warna mengikut logo kementerian.

d. Label perlu dibuat di luar pintu kabinet alat tulis.

e. Perlu ada kad “in”/“out” bagi alat tulis yang diterima dan yang dikeluarkan.

f. Stok kad item perlu mengikut peraturan/pekeliling yang berkuatkuasa.

BILIK PENYIMPANAN FAIL

- Pelan susun atur/pelan lantai bilik fail boleh disediakan dan dipamerkan di ruang yang mudah dilihat.
- Kabinet fail dilabelkan mengikut jenis dokumen dan nombor indeks/rujukan.
- Fail disusun dengan kemas dan teratur mengikut turutan nombor siri fail dan boleh dicapai dalam tempoh masa 30 saat.
- Fail disusun semula di tempat asal selepas digunakan.
- Fail-fail terperingkat yang digunakan disimpan di dalam kabinet besi berpaling. Indeks bagi fail-fail terperingkat tidak dilekatkan di luar kabinet.

- Sistem pergerakan fail boleh diwujudkan bagi tujuan pengesanan fail yang sedang digunakan (contoh: kad daftar pengguna dan kad keluar masuk fail).
- Senarai nama pegawai yang mengendalikan fail terperingkat dipamerkan.
- Tangga mudah alih, troli dan kerusi berada dalam keadaan baik dan ditentukan tempat khas.
- Kawalan makhluk/haiwan perosak dilaksanakan secara berjadual.
- Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi mengurus bilik fail.

PENYERAGAMAN FAIL EKSA (PERKHIDMATAN/FORMASI)	
Tujuan:	Mewujudkan Fail EKSA yang seragam.
Impak:	Memudahkan pengenalan terhadap EKSA dan memudahkan tugas menyediakan fail EKSA.
Pelaksanaan:	1. Kulit Fail yang dibekalkan oleh Urus Setia. 2. Tulang <i>Folder</i> yang dibekalkan oleh Urus Setia. 3. Pemisah Fail yang sesuai.
Keseragaman:	1. Kulit/Tulang Fail EKSA. 2. <i>Separator</i> <i>Back Ground</i> : <i>Light Blue</i> . <i>Font</i> : <i>Arial Black</i> . <i>Font Size</i> : 42. a. <i>Separator</i> di <i>tag</i> nombor kandungan. b. Isi kandungan diletakkan di bahagian dalam kulit fail. c. Jenis fail: <i>Folder</i> putih kulit keras.

PENYERAGAMAN TATACARA PENGELUARAN FAIL	
Tujuan:	1. Memudahkan pencarian fail. 2. Memastikan fail diletak di tempat yang betul. 3. Mengelakkan kehilangan fail.
Impak:	Memudahkan, menyenangkan dan menjimatkan masa.
Pelaksanaan:	Setiap bilik fail perlu mempunyai SOP tatacara pengeluaran fail.
Keseragaman:	1. Visual di sudut yang mudah di lihat. 2. Saiz A4. 3. Arial. 4. Saiz huruf 18. 5. Arahan/Tatacara pengeluaran fail. a. Sila rujuk pada nombor yang tertera di kabinet. b. Tinggalkan identiti pengguna fail pada ruang yang disediakan. c. Simpan semula fail di tempat asal selepas digunakan.

STOR

- Stor sentiasa berada dalam keadaan bersih dan kemas.
- Pelan lantai stor dengan laluan kecemasan boleh diwujudkan dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
- Peralatan sokongan pengurusan stor termasuk tangga mudah alih dan troli berada dalam keadaan baik dan ditentukan tempat khas.
- Semua barang/stok di dalam stor disusun dengan kemas dan teratur.
- Stok termasuk alat tulis, bahan, mesin dan peralatan disusun dengan teratur supaya tidak menghalang kerja-kerja pemunggaan dan laluan.
- Stok disusun mengikut tanda/label/abjad yang bersesuaian mengikut tarikh pengeluaran atau tarikh kemasukan ke stor dan dikeluarkan untuk kegunaan mengikut kaedah FIFO.
- Stok disimpan mengikut keadaan atau jenis barang dan tertakluk kepada prosedur pengurusan stor yang sedang berkuatkuasa (Contoh: bilik hawa dingin atau peti sejuk untuk stok yang memerlukan suhu rendah dan barang-barang toksik disimpan dengan kemas dan menggunakan peralatan sepatutnya termasuk peralatan sokongan).
- Kaedah/sistem merekod yang sesuai boleh diwujudkan bagi memudahkan urusan merekod keluar masuk stok.
- Sudut informasi (contoh: tatacara permohonan barang) boleh diwujudkan dan ditempatkan di kawasan yang mudah dilihat.
- Tanda amaran “Dilarang Masuk” dipamerkan dengan jelas.
- Alat pemadam api yang mempunyai sijil yang berkuatkuasa dan berkeadaan baik ditempatkan di stor.
- Kawalan makhluk/haiwan perosak dilaksanakan secara berjadual.
- Dibenarkan menggunakan kreativiti dalam pengurusan, penjagaan dan penyelenggaraan stor tetapi perlu lambangkan imej korporat Bahagian/Zon/Sektor (tertakluk kepada peraturan dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa).

PENYERAGAMAN STOR

Tujuan: Mewujudkan keadaan stor yang tersusun rapi dan kemas.

Impak: Peralatan di stor mudah diperolehi.

Pelaksanaan: Seluruh Bahagian/Zon/Sektor.

Keseragaman:

1. Senarai semak peralatan:
 - a. Senaraikan peralatan dengan nombor yang sama dengan kad stok dan label barang.
 - b. Senarai semak barang dilabelkan dengan nombor.
 - c. Nombor diletakkan pada kedudukan peralatan dan *tagging* kad stok.
2. Warna label mengikut jenis peralatan:
 - a. Alat tulis – biru muda.
 - b. Fail/kertas/sampul surat – oren.
 - c. Jenis Buku – hijau.
 - d. Setiap label perlu ditentukan nombor.
3. Paras penentuan penggunaan stok ditentukan oleh tahap penggunaan dengan menyelaraskan kad penanda aras:
 - a. Guna kad manila – biru.
 - b. Gunting.
 - c. Ikut gambar anak panah.
 - d. Saiz mengikut kreativiti.
4. Kad Stok:
 - a. Warna – biru.
 - b. Ukuran – 3” x 5”.
 - c. Kandungan – bilangan, nama pemohon, kuantiti, baki stok, tarikh, tandatangan dan catatan.
 - d. Kedudukan – berhampiran dengan rak/kabinet jenis peralatan.
5. Susunan peralatan berdasarkan jenis.

Peringatan:

1. Pastikan barang masuk/keluar direkodkan di kad stok;
 - a. Pintu masuk – paras mata (5”).
2. Sila pastikan barang sentiasa tersusun dan bersih:
 - a. Dinding berhadapan pintu masuk.
3. Pegawai bertugas sahaja dibenarkan masuk:
 - a. Paras – atas *switch socket*.

KOMPONEN C – TEMPAT UMUM

Ruang umum merupakan ruang yang perlu diberikan tumpuan bagi penjagaan yang lebih teliti kerana ruang ini kerap digunakan oleh warga kerja sendiri dan pelawat luar.

BILIK MESYUARAT/BILIK PERBINCANGAN

- Bilik mesyuarat/bilik perbincangan sentiasa berkeadaan bersih dan kemas.
- Peralatan/kemudahan dalam bilik mesyuarat/bilik perbincangan sentiasa dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan.
- Peralatan mempunyai sistem inventori dan penyelenggaraan.
- Maklumat berkaitan mesyuarat dipamerkan di pintu masuk bilik mesyuarat. Contoh: Penggunaan papan tanda (slot in board).
- Papan putih (white board) dibersihkan selepas mesyuarat selesai.
- Barang-barang elektronik seperti projektor, mikrofon dan suis ditutup (off) sebelum meninggalkan bilik mesyuarat/bilik perbincangan.
- Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan dan kekemasan bilik mesyuarat/bilik perbincangan.

PENYERAGAMAN BILIK MESYUARAT/BILIK BINCANG

Tujuan: Penambahbaikan secara berterusan.

Impak: Bilik akan sentiasa berada dalam keadaan bersih dan tersusun.

Pelaksanaan: Semua Bilik Mesyuarat dan Bilik Bincang Perkhidmatan/Formasi.

Keseragaman:

1. Tatacara penggunaan bilik mesyuarat .
2. Papan tanda - Pastikan bilik ini sentiasa berada dalam keadaan bersih.
3. Papan tanda - Pastikan semua peralatan berada pada kedudukan asal selepas digunakan.
4. Papan tanda - Pastikan telefon bimbit dalam kod senyap.
5. Individu terakhir hendaklah memastikan semua suis ditutup.

BILIK LATIHAN

- Bilik latihan sentiasa berada dalam keadaan bersih dan kemas.
- Peralatan/kemudahan di bilik latihan sentiasa berada dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan.
- Peralatan mempunyai sistem inventori dan penyelenggaraan.

- Hiasan berimej korporat boleh diwujudkan dan diselenggara secara berkala.
- Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan dan kekemasan bilik latihan.

PANTRI

- Pantri sentiasa berada dalam keadaan bersih, kemas, serta bebas daripada sebarang serangga/makhluk perosak dan bau yang tidak menyenangkan.
- Semua peralatan/perabot dan perkakas disusun dengan kemas dan teratur setelah digunakan.
- Perkakas/alatan yang disimpan di dalam kabinet/almari/rak dilabelkan dengan nama perkakas dan diseragamkan mengikut kesesuaian.
- Perkakas/alatan yang minima seperti peti sejuk, ketuhar gelombang mikro, cerek elektrik dan *water dispenser* boleh disediakan di pantri.
- Kain lap sentiasa dicuci selepas digunakan.
- Sinki sentiasa dibersihkan, dipastikan tidak tersumbat dan tiada sisa makanan.
- Meja makan sebolehnya dialas dan berkeadaan bersih.
- Bahan makanan seperti gula, susu dan sebagainya diletakkan dalam bekas bertutup.
- Tong sampah disediakan dan ditutup.
- Suis peralatan elektrik ditutup setelah digunakan.
- Satu sudut infomasi boleh diwujudkan untuk mempamerkan jadual tugas, peraturan, pemberitahuan ataupun arahan yang berkaitan (jika berkenaan).
- Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan dan kekemasan pantri.

PENYERAGAMAN PANTRI

Tujuan: Penambahbaikan secara berterusan.

Impak: Keadaan pantri sentiasa bersih.

Pelaksanaan: Semua pantri sentiasa bersih.

Keseragaman:

1. Inventori peralatan (lokasi pada tempat peralatan).
2. Papan tanda - Jimatkan penggunaan air.
3. Papan tanda - Kebersihan pantri adalah tanggungjawab bersama.
4. Papan tanda - Kawasan larangan merokok.
5. Papan tanda - Doa sebelum/selepas makan.
6. Papan tanda - Sila letak kembali selepas digunakan.

SURAU/BILIK SOLAT

- Surau/bilik solat sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas.
- Buku-buku/bahan bacaan agama sentiasa disusun kemas dan teratur di dalam almari/kabinet/rak yang disediakan.
- Selipar/kasut disusun dengan rapi dan kemas pada tempatnya.
- Arah kiblat dipamerkan dengan jelas dan mudah dilihat.
- Jadual waktu solat boleh disediakan untuk panduan masuk waktu solat bagi kemudahan warga kerja.
- Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi mengurus dan memantau kebersihan surau/bilik solat.

PENYERAGAMAN BILIK/RUANG SOLAT

Tujuan: Penambahbaikan secara berterusan.

1. Penambahbaikan secara berterusan.

2. Kesedaran sivik kepada semua individu.

Impak: Memberi keselesaan kepada pengguna.

Pelaksanaan: Semua bahagian di Bahagian/Zon/Sektor.

Keseragaman:

1. Papan tanda - Susun kasut/selipar di tempat yang disediakan (tempat letak kasut).
2. Papan tanda - Sila letak kembali secara tersusun dan kemas selepas digunakan (pada tempat letak barang).
3. Papan tanda - Arah kiblat (pada siling/ yang bersesuaian).

TANDAS

- Keseluruhan ruang tandas termasuk lantai, dinding sentiasa dalam keadaan bersih.
- Peralatan/kelengkapan seperti tempat sampah, tisu dan bekas cecair sabun disediakan di dalam tandas.
- Semua lampu tandas sentiasa berfungsi dengan baik.
- Sinki dan mangkuk tandas sentiasa berkeadaan bersih, tidak tersumbat dan paip air berfungsi dengan baik.
- Arahan/kaedah penggunaan peralatan di dalam tandas dipamerkan dengan jelas (mengikut kesesuaian).
- Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan tandas.

PENYERAGAMAN TANDAS	
Tujuan:	Penambahbaikan secara berterusan beri keselesaan kepada pengguna.
Impak:	Tandas sentiasa dalam keadaan bersih.
Pelaksanaan:	Semua tandas di setiap tingkat Bahagian/Zon/Sektor.
Keseragaman:	
1.	Simbol lelaki dan perempuan (pintu masuk).
2.	Doa masuk dan keluar tandas (rumi dan jawi).
3.	Label pada pintu (tandas cangkung/duduk). a. Letak nombor pada setiap pintu.
4.	Letak nombor pada sinki/paip.
5.	Jimatkan penggunaan air (pada sinki).
6.	Doa pandang cermin (pada cermin).
